



KENYATAAN MEDIA

MENTERI PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN BERHUBUNG INSIDEN SERANGAN DI KK SUPER MART SUNGAI ISAP, KUANTAN

Saya kecewa dan mengutuk insiden serangan bom *molotov cocktail* oleh pihak tidak bertanggungjawab di pasaraya KK Mart Sungai Isap. Tidak ada tempat bagi keganasan dalam masyarakat kita, dan setiap individu yang terlibat dalam tindakan sedemikian perlu dihadapkan kepada keadilan yang sewajarnya.

Perbuatan ini bukan sahaja melanggar undang-undang negara, tetapi juga mengancam ketenteraman dan keamanan dalam kalangan masyarakat yang berbilang bangsa, ras, etnik dan agama.

Justeru, saya menyeru kepada **semua pihak agar tidak membuat sebarang perkara serta berhenti mengeluarkan kenyataan yang boleh mencetuskan polemik perkauman dan menggugat sensitiviti masyarakat berbilang bangsa**. Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, adalah menjadi kewajipan kita untuk mempertahankan keamanan dan keharmonian negara dengan tidak melakukan perbuatan provokasi dan keganasan yang akan mengakibatkan konflik dan kekacauan.

Saya berharap agar semua pihak dapat menghayati prinsip **FAHAM, HORMAT dan TERIMA** dalam memupuk keharmonian dan kepelbagaiannya dalam masyarakat Malaysia. Kementerian Perpaduan Negara terus melaksanakan program-program intervensi di kawasan berisiko tinggi bagi mengukuh dan menyatupadukan rakyat Malaysia.

Saya percaya bahawa solidariti dan semangat kebersamaan rakyat Malaysia akan menjadi benteng utama menangani ancaman terhadap perpaduan dan keharmonian negara. Keamanan negara dan perpaduan rakyat adalah tanggungjawab bersama yang wajib dipikul oleh kita semua.

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA
30 MAC 2024**